

PM galak teroka industri pelancongan di Uganda

Usahawan Malaysia boleh bina pusat peranginan di Tasik Victoria

BM 23 AUG 2001
Oleh Kadir Dikoh

SUBANG, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, usahawan Malaysia perlu melabur dalam industri pelancongan di Uganda yang amat berpotensi sekali tetapi belum diterokai oleh mana-mana pihak.

Perdana Menteri berkata, Tasik Victoria misalnya belum dieksploitasi dan pelabur Malaysia perlu mengkaji mengenai kemungkinan membangunkannya.

“Tasik Victoria amat luas, tetapi saya lihat dari kapal terbang tiada satu bot pun di sana, bot memancing dan bot riadah pun tidak kelihatan. Nampaknya, mereka langsung tidak memanfaatkan tasik itu.

“Saya percaya usahawan Malaysia boleh membina pusat peranginan yang baik di sana,” katanya setiba daripada menghadiri Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 di Kampala, di sini hari ini.

Dr Mahathir mula berlepas ke luar negara 8 Ogos lalu untuk bercuti singkat sebelum melakukan lawatan ke Yemen (15 hingga 18 Ogos) dan ke Uganda (18 hingga semalam).

Pesawat khas yang membawa Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mendarat di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini pada jam 9.45 pagi ini.

Sejurus tiba, Dr Mahathir bersalaman dengan anggota ekspedisi Penerbangan Muhibah Asean 2001 yang menyampaikan watakah jemputan ke Sukan Sea-Kuala Lumpur 2001 ke lima negara Asean selama 17 hari kembali ke sini, kelmarin.

Dr Mahathir berkata, keseluruhannya memang banyak peluang pelaburan berpotensi yang boleh di-

ceburi oleh ahli perniagaan Malaysia di Uganda.

“Ini kerana Uganda mempunyai potensi cerah untuk terus maju sementara produk-produk Malaysia pula diterima baik di negara berkenaan,” katanya.

Sebagai contoh katanya, kemudahan prasarana Uganda agak berkurangan kerana untuk sebuah negara yang mempunyai jumlah penduduk hampir menyamai Malaysia iaitu seramai 22 juta orang, kapasiti penjanaan kuasanya cuma 300 megawatts (MW) berbanding dengan kapasiti di Malaysia iaitu melebihi 10,000 MW.

Beliau berkata, jalan raya

di Uganda, walaupun lebih baik daripada sebelumnya, tidak begitu selesa.

Katanya, Kampala iaitu ibu negara Uganda yang mempunyai iklim sejuk dan terletak kira-kira 1,333 meter di atas paras laut, mempunyai potensi cerah jika terus dimajukan.

Katanya, Uganda terabit dalam ketegangan politik untuk beberapa ketika, dengan pemimpin-pemimpin sebelumnya seperti Idi Amin dan Milton Obote tidak banyak berusaha untuk memajukan negara itu.

Bagaimanapun, katanya, Presiden sekarang, Yoweri Kaguta Museveni mempunyai minat untuk memba-

ngunkan Uganda dan ia terbukti berjaya.

“Memandangkan hubungan antara kerajaan Malaysia dan Uganda amat baik, ahli perniagaan Malaysia mempunyai peluang untuk melabur, dan juga mengendalikan operasi perdagangan secara langsung antara kedua-dua buah negara.

“Mereka mendakwa, sebaik saja mencapai kemerdekaan, pendapatan per kapita mereka sama dengan Malaysia iaitu pada AS\$300 tetapi ia kekal statik sehingga sekarang sementara pendapatan per kapita Malaysia meningkat kepada AS\$5,000. Mereka

amat kagum dengan Malaysia dan berhasrat untuk belajar dari kita,” katanya.

Dr Mahathir berkata, dengan wujudnya pusat perniagaan Malaysia di Kampala, didapati produk Malaysia menerima sambutan menggalakkan daripada rakyat Uganda.

“Contohnya, hampir semua lampu kalimantang di negara itu diimport dari Malaysia. Jika kita betul-betul serius mempromosikan produk kita, kita boleh eksport banyak lagi ke Uganda dan kita juga boleh beli produk mereka seperti teh, kopi dan kapas. Ini juga amat baik untuk pelaburan Malaysia,” katanya.